

Govt to look into reviving Rukun Negara-based subject

KUALA LUMPUR

THE government is planning to revive a subject related to Rukun Negara practices, said National Unity Minister Datuk Halimah Mohamed Sadique.

She said the matter would be looked into by a technical committee, to be formed comprising her ministry with the Communications and Multimedia Ministry, Higher Education Ministry and Education Ministry.

"It is similar to the Tata Rakyat subject where we were taught about a diverse society, unity, tolerance behaviour, respecting each other's culture and such," she said after the Rukun Negara Club and Rukun Negara Secretariat Appreciation Event and Unity Creative Video Prize-Giving Ceremony.

On July 9, Prime Minister Tan Sri

Muhyiddin Yassin proposed that Rukun Negara education be established as the government's core agenda.

Halimah said it was important to develop Rukun Negara education, so that its five principles could be appreciated by society, especially the younger generation.

As such, the Rukun Negara Clubs and the Rukun Negara Secretariats become the main platforms for the ministry to implement this agenda.

To date, 6,621 Rukun Negara Clubs have been formed in 5,864 national primary and secondary schools with another 757 in national Chinese and Tamil schools.

In addition, she said, there were 172 Rukun Negara Secretariats in public and private higher education institutions nationwide, which would help to foster understanding of Rukun Negara through their programmes.



Datuk Halimah
Mohamed Sadique



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN

MALAYSIA PRIHATIN

Rukun Negara kunci keharmonian

Pastikan kestabilan dan kejayaan negara sehingga kini

KUALA LUMPUR



Lima prinsip Rukun Negara yang dibentuk sejak lima dekad lalu menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum bagi memastikan kejayaan dan kestabilan negara sehingga kini, kata Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Azemi Abdul Aziz.

Beliau berkata, lima prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada tuhan; kesetiaan kepada raja dan negara; keluhuran perlembagaan; kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan penting untuk dihayati setiap lapisan masyarakat bagi memperkuuh perpaduan antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

“Walaupun kita mempunyai Perlembagaan Malaysia sebagai perlembagaan yang dipegang dan dirujuk, kita lihat prinsip Rukun Negara ini merupakan inti pati kepada perlembagaan itu sendiri. Ia adalah prinsip yang perlu dipegang oleh semua warganegara.

“Kita perlukan satu prinsip yang dapat menggabungkan tenaga semua masyarakat yang ada dalam negara ini untuk menjadi sebuah negara bersatu padu, aman seterusnya maju ke hadapan,” katanya pada program Rukun Negara Hour dengan topik ‘Warisan Bangsa dan Negara’ terbitan Bernama Radio di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara wajar diperkasakan semula supaya ia dapat dihayati dan diamalkan oleh masyarakat terutama generasi muda.

Azemi memegang plakat program Rukun Negara Hour di Wisma Bernama, Kuala Lumpur baru-baru ini.

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50
UKUN NEGARA



Azemi (kanan) ketika ditemui bual berkenaan Rukun Negara.

“Semua masyarakat perlu terus menyemai semangat, menghayati dan memperkuuh lima prinsip Rukun Negara ini kerana jika dilihat pada sejarahnya, ia terbukti malah mampu membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang terbaik di dunia,” katanya.

Dalam pada itu, Azemi berkata, Arkib Negara Malaysia mempunyai hampir 100

koleksi bahan terkumpul berkaitan Rukun Negara dalam bentuk fail, terbitan dan gambar yang boleh dijadikan sebagai rujukan.

“Apa yang menarik, kita turut menyimpan buku Rukun Negara yang dicetak dalam format Braille selain piring hitam lagu Rukun Negara yang dinyanyikan Sulaiman Masri,” kata beliau lagi. - Bernama